

**SEMINAR KEBANGSAAN
LINGUISTIK 2009 (SKALi 09)**

10 -11 MAC 2009

Program Linguistik

**Pusat Pengajian Bahasa dan
Linguistik,**

**Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan,**

Universiti Kebangsaan Malaysia

TEMA:

**Pemantapan dan Pembinaan Ilmu
Linguistik Berasaskan Korpus**

LATAR BELAKANG

Penyelidikan bahasa Melayu telah bermula seawal abad ke-15. Hal ini bermakna kajian tentang bahasa Melayu telah menjangkau hampir 600 tahun. Pernyataan ini juga memberi gambaran bahawa pangkalan data kajian bahasa Melayu sebenarnya sangat luas. 'Pangkalan data kajian' ini merujuk kepada korpus linguistik bahasa Melayu, yakni bermula dari abad ke-15 hingga abad ke-21. Pada hari ini, kajian yang berasaskan korpus semakin mendapat tempat. Di Barat, misalnya, pembinaan pangkalan data korpus linguistik telah bermula pada akhir abad ke-19. Bagaimanapun, period bermulanya kajian korpus linguistik secara serius di Barat hanya bermula pada tahun 1950-an, khususnya dalam kalangan pengkaji bahasa yang menjadikan korpus sebagai asas kajian. Sebagai perbandingannya, di Malaysia usaha pembangunan pangkalan data korpus dimulakan pada awal tahun 80-an oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), iaitu untuk projek Analisis Teks Secara Berkomputer. Jangka masa hampir 30 tahun tentunya dapat dijadikan sebagai landasan yang wajar untuk menilai pembangunan dan perkembangan kajian linguistik yang berasaskan korpus di Malaysia.

Dalam seminar SKALi09 pada kali ini, kajian linguistik berasaskan korpus dibahagikan kepada dua kelompok kajian, iaitu kajian linguistik berpangkalan atau kajian linguistik tak berpangkalan. *Kajian linguistik berpangkalan* merujuk kepada kajian yang berdasarkan pangkalan data korpus yang tertentu, misalnya pangkalan data korpus DBP. Kajian seperti ini menggunakan sampel semaksimum mungkin sebagai representatif untuk memperlihatkan penggunaan bahasa sebenar berdasarkan kecenderungan atau kekerapan. *Kajian linguistik tak berpangkalan* pula kajian yang tidak berdasarkan pangkalan data korpus yang tertentu, tetapi kajian yang didasarkan pada cebisan wacana terpilih. Kajian linguistik tak berpangkalan menggunakan sampel data yang agak relatif kepanjangannya (sama ada teks tulisan dan lisan), yang kemudiannya dianalisis berdasarkan kerangka linguistik yang tertentu. Berdasarkan alasan inilah seminar SKALi09 memilih tema "Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus", iaitu gabungan kajian linguistik korpus dan linguistik wacana. Dalam perkataan lain, seminar pada kali ini mensasarkan penyertaan pelbagai kelompok pengkaji bahasa di Malaysia agar dapat berkumpul, berkongsi dan berbincang tentang pelbagai gejala bahasa Melayu dari aspek bentuk dan fungsinya.

OBJEKTIF

Seminar ini bertujuan untuk:

- i. Membincangkan penyelidikan linguistik mutakhir yang berteraskan korpus dan wacana
- ii. mendalami isu korpus dan wacana linguistik; dan
- iii. membahaskan teori bahasa dan aplikasinya terhadap korpus bahasa Melayu.

KERTAS KERJA

Pembentang kertas kerja

Seminar ini terbuka kepada para penyelidik linguistik, professional, sarjana dan pelajar di dalam negara.

Skop kertas kerja

Kertas kerja kajian haruslah berdasarkan korpus dan penerapan teori yang tertentu, yang berkaitan dengan tema *Pemantapan dan Pembinaan Korpus Linguistik Wacana*. Bidang kajian mencakupi linguistik am dan linguistik terapan, misalnya fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, analisis wacana, sosiolinguistik, psikolinguistik, leksikologi-leksikografi, pragmatik, teknologi bahasa, linguistik bandingan, falsafah bahasa, stilistik, laras bahasa, linguistik forensik, korpus linguistik dan kaedah penyelidikan bahasa.

Penghantaran abstrak dan kertas kerja

Abstrak hendaklah sampai kepada urus setia seminar selewat-lewatnya pada 30 November 2008. Pihak urus setia akan mergesahkan penerimaan abstrak bermula pada 15 Disember 2008. Abstrak yang lewat tidak akan dipertimbangkan untuk pembentangan. Kertas kerja mestilah sampai kepada urus setia sebelum atau pada 1 Februari 2009. Semua abstrak dan kertas kerja hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu sahaja, dan dihantar dalam bentuk salinan elektronik. Makalah untuk prosiding hendaklah tidak melebihi 15 halaman bertaip langkau 1.5 baris dengan *Microsoft Word* menggunakan fon *Times New Roman* saiz 12.

PRODUK SEMINAR

Semua makalah akan diterbitkan dalam bentuk prosiding. Makalah yang mencapai standard yang ditetapkan serta belum pernah diterbitkan akan diterbitkan dalam bentuk buku selepas seminar.

PESERTA

Seminar ini terbuka kepada 40-50 peserta yang terdiri daripada kumpulan sasaran yang berikut:

- Ahli akademik
- Pentadbir dan profesional dalam pelbagai bidang
- Guru dan pelatih guru
- Pelajar, mahasiswa dan siswazah

- Pegawai penyelidik linguistik dan bahasa Melayu
- Ahli linguistik
- Sesiapa sahaja yang berminat dalam bidang linguistik.

YURAN PENDAFTARAN

Yuran pendaftaran seminar adalah seperti yang berikut:

Pembentang/Peserta -	RM200
Pelajar -	RM80

Tarikh akhir penghantaran abstrak –
15 Disember 2008

Tarikh pemberitahuan penerimaan abstrak –
15 Januari 2008

Tarikh akhir penghantaran kertas kerja –
1 Februari 2009

MAKLUMAT LANJUT

Urus Setia
Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALI09)
Program Linguistik
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel no.

03-89216549 (Dr. Mohammad Fadzeli Jaafar)
03-89216562 (Dr. Norsimah Mat Awal)

E-mel: skali09@ukm.my